

'Subsidi bersasar perlu mekanisme telus, cekap'

Kerajaan terdahulu pertahankan pemberian biarpun terpaksa berbelanja besar

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi dan Muhammad Yusri Muzamir
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Pelaksanaan subsidi bersasar tanpa mekanisme yang tepat akan menyebabkan rakyat terus terbeban, apatah lagi ketika kos sara hidup semakin meningkat.

Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob (BN-Bera), berkata kerajaan terdahulu dalam mempertahankan pemberian subsidi, termasuk memperluas kepada pembekalan ayam dan telur berpaksi kepada fokus utama untuk mensejahterakan rakyat biarpun terpaksa berbelanja besar.

Beliau berkata, pengenalan sistem Pangkalan Data Utama (PADU) yang akan diguna mulai Januari depan menimbulkan pelbagai persoalan mengenai kecekapan sistem itu dalam memastikan subsidi bersasar dapat diberikan



Ismail Sabri berucap pada sesi perbahasan RUU Perbekalan 2024 di Dewan Rakyat, semalam. (Foto bernama)

kepada golongan layak sahaja.

"Persoalannya, apakah sistem ini sudah bersedia? Apakah sistem ini sudah diuji keberkesannya kerana kita hanya mempunyai tempoh dua bulan sebelum ia dilancarkan.

"Persoalan seterusnya siapakah yang layak diberi subsidi bersasar? Sebagai contoh, jika dilaksanakan subsidi petrol secara bersasar, bagaimana kerajaan menentukan ciri-ciri mereka yang layak?.

"Adakah melalui jumlah pendapatan bulanan atau kapasiti

enjin kenderaan?," katanya berucap pada sesi perbahasan Rang Undang-Undang (RUU) Perbekalan 2024 di Dewan Rakyat semalam.

Wujud pelbagai pandangan

Ismail yang juga bekas Perdana Menteri berkata, sebelum ini ada cadangan supaya kereta enjin kapasiti 2,000cc ke bawah boleh diberi subsidi, namun akhirnya wujud pelbagai pandangan dan cadangan, termasuk banyak kereta mewah yang mempunyai enjin kapasiti 2,000cc ke bawah.

"Sebagai contoh, orang kampung beli kereta Volvo, tetapi kuasa enjinnya 3,000cc, jadi berdasarkan kapasiti kereta Volvo, mereka tidak boleh mendapat subsidi, terdapat banyak masalah yang timbul dan akhirnya perkara ini ditangguhkan.

"Bagaimana pula pelaksanaan rasionalisasi subsidi diesel bersasar? Kalau subsidi tidak diberikan, kos pengangkutan sudah pasti tidak akan ditanggung oleh syarikat dan pasti beban akan diserahkan kepada pengguna, saya harap perkara ini diteliti oleh kerajaan," katanya.

Beliau berkata, cadangan kerajaan menaikkan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) daripada enam kepada lapan peratus juga adalah langkah yang kurang tepat berbanding dengan sistem percutian lain yang lebih efisien.

"Saya sekali lagi berpendirian sudah tiba masanya untuk memperkenalkan semula Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) yang dimansuhkan pada 2018 oleh kerajaan Pakatan Harapan (PH).

"GST terbukti jauh lebih cekap, telus dan adil berbanding SST. Ketika GST dihapuskan, negara hilang kira-kira RM20 bilion sehingga RM30 bilion setahun akibat 'black economy' kerana kita tidak dapat pantau mereka yang tidak membayar cukai," katanya.